



PERPUSTAKAAN KUI TTHO



3 0000 00077647 0



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



PERLAKSANAAN MODUL LATIHAN KEUSAHAWANAN  
INKUBATOR DI INSTITUSI PENDIDIKAN TEKNIKAL:  
SATU KAJIAN EKSPERIMENTAL



PTTA UTHM  
NURAZLINDA BINTI YAHYA @ MUHAMMED  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**  
**BORANG PENGESAHAN STATUS PROJEK SARJANA**

JUDUL : PERLAKSANAAN MODUL LATIHAN KEUSAHAWANAN INKUBATOR DI  
INSTITUSI PENDIDIKAN TEKNIKAL : SATU KAJIAN EKSPERIMENTAL.

SESI PENGAJIAN : 2001/2002

Saya NURAZLINDA BT YAHYA @ MUHAMMED (GT010080)

(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan Projek Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Kajian Kes ini adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Kajian Kes ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. \*Sila tandakan (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD


(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh



(TANDATANGAN PENULIS)




(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap 36, Lorong Bukit Setongkol 2,

Encik Ahmad Bin Esa

Taman Cenderawasih, 25200 Kuantan.

Nama Penyelia

Tarikh : 23 September 2002

Tarikh: 23 September 2002

CATATAN : \* Jika Projek Sarjana ini **SULIT** atau **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh Projek Sarjana ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** atau **TERHAD**.

## PENGESAHAN PENYELIA

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional”



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Tandatangan :  .....

Nama Penyelia : ENCIK AHMAD BIN ESA

Tarikh : 23 SEPTEMBER 2002

**PERLAKSANAAN MODUL LATIHAN KEUSAHAWANAN  
INKUBATOR DI INSTITUSI PENDIDIKAN TEKNIKAL:  
SATU KAJIAN EKSPERIMENTAL**

**NURAZLINDA BT YAHYA @ MUHAMMED**



**Laporan projek ini dikemukakan sebagai  
sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional**

**Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

**SEPTEMBER, 2002**

## PENGAKUAN

"Saya akui bahawa projek sarjana yang bertajuk '**Perlaksanaan Modul Latihan Keusahawanan Inkubator di Institusi Pendidikan Teknikal : Satu Kajian Eksperimental**' adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya".



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Tandatangan : ..... *Nurazlinda* .....  
Nama Penulis : NURAZLINDA BT YAHYA @ MUHAMMED  
Tarikh : 23 SEPTEMBER 2002

*Teristimewa buat insan-insan yang amat disayangi...*

*Ayahanda Yahya dan bonda Haminah  
Suami tercinta Mohd Zainudin,  
Dan semua ahli keluarga tersayang....*

*Terima kasih di atas segala-galanya...*

*Tanpa kalian*

*Tak bermakna kejayaan ini...*



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana di atas limpah kurniaNya dapatlah saya menyiapkan Projek Sarjana ini bagi memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional bagi sesi 2001/2002.

Jutaan terima kasih saya rakamkan kepada Encik Ahmad Bin Esa selaku penyelia bagi projek ini merangkap pensyarah ko-kurikulum keusahawanan KUITTHO, yang telah banyak bersabar dan memberi dorongan serta bimbingan di dalam menyiapkan projek ini. Segala jasa, bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan, akan dikenang dan dijadikan sebagai panduan serta pengajaran di masa hadapan.

Ucapan terima kasih juga ditujukan buat Tuan Haji Sapon bin Ibrahim dan Puan Badi'ah Bt Ahmad yang sudi meluangkan masa untuk menyemak dan menilai Modul Latihan Keusahawanan Inkubator yang dihasilkan oleh pengkaji. Tidak dilupakan buat rakan-rakan yang telah memberikan tunjuk ajar dan bantuan dalam menjaya projek sarjana ini. Jasa kalian akan ku kenang hingga ke akhir hayat.

Akhir sekali diucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan projek sarjana ini.

Terima kasih.



## ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk menilai pelaksanaan Modul Latihan Keusahawanan Inkubator di Institusi Pendidikan Teknikal iaitu KUiTTHO. Tiga objektif utama yang ingin dicapai dalam kajian ini ialah untuk mengenal pasti sejauh mana pencapaian pelajar ko-kurikulum keusahawanan KUiTTHO setelah menggunakan Modul Latihan Keusahawanan Inkubator, melihat sejauh mana pelajar dapat mengaplikasikan catatan urusan harian dan penyata akaun penamat dalam situasi perniagaan sebenar yang dijalankan dan untuk mengetahui kecenderungan mereka untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan setelah mengikuti Program Latihan dan Keusahawanan Inkubator. Data telah di analisis dengan menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif yang melibatkan penggunaan ujian-t, min dan sisihan piawai, serta analisis rekod urusan harian yang disediakan oleh pelajar. Hasil analisis ujian-t ini telah mendapati bahawa pengetahuan, kefahaman dan kemahiran pelajar tentang pengurusan kewangan iaitu Perekodan Kedai Runcit semakin meningkat setelah menggunakan Modul Latihan Keusahawanan Inkubator. Hasil analisis rekod urusan harian pelajar pula mendapati bahawa pelajar telah dapat mengaplikasikan catatan urusan harian dan penyata akaun penamat dengan betul dan bersistematik serta memperolehi keuntungan dalam perniagaan yang mereka jalankan. Seterusnya, analisis menunjukkan bahawa Program Latihan dan Keusahawanan Inkubator anjuran KUiTTHO telah berjaya meningkatkan kecenderungan pelajar ko-kurikulum keusahawanan KUiTTHO dari aspek minat, keyakinan, kebolehan dan semangat untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan apabila tamat belajar nanti. Hasil keseluruhan kajian ini telah mendapati bahawa modul yang dihasilkan dapat diterima dan digunakan pada masa-masa yang akan datang.



PERPUSTAKAAN TUN KUNJUNGIN AMINAH

## ABSTRACT

The major aim of this research was to evaluate the implementation of Entrepreneurship Training Incubator Module at Technical Institute, namely KUiTTHO. There are three main objectives to be achieved in this research. The first objective was to identify KUiTTHO Entrepreneurship co-curriculum students performance after using the module. Secondly, it was to gauge student's capability to apply daily transaction and closing statement in actual business setting. The last objective was to discover student's tendency to involve in business field after attending the Entrepreneurship Incubator and Training Program. The method of gathering data were qualitative and quantitative which using t-test, mean, standard deviation and transaction record analysis which was prepared by students. The result from the t-test showed that knowledge, understanding and skills acquired by students about financial management (Perekodan Kedai Runcit) has increased after applying the Entrepreneurship Training Incubator Module. The analysis drawn from daily transaction record found that the students are able to apply daily transaction record and statement of account systematically and gain profit from their business. The analysis also showed that the Entrepreneurship Incubator and Training Program sponsored by KUiTTHO has been successful in attracting students currently enrol in KUiTTHO entrepreneurship co-curriculum from the aspects of interest, confidence, skills and good spirit to enter business world after completing their studies. The overall findings shows, the module is midely accepted and useful instrument in the future.



## KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	HALAMAN PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
<b>BAB 1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Penyataan Masalah	4
	1.4 Persoalan Kajian	8
	1.5 Objektif Kajian	9
	1.6 Hipotesis Kajian	10
	1.7 Kepentingan Kajian	10
	1.8 Kerangka Teori	11
	1.8.1 Huraian Kerangka Teori	12



<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	1.9 Skop Kajian	13
	1.10 Definisi Istilah	14
	1.10.1 Pelaksanaan	14
	1.10.2 Modul	14
	1.10.3 Latihan Keusahawanan	15
	1.10.4 Inkubator	16
	1.10.5 Perakaunan	18
	1.10.6 Institusi Pendidikan Teknikal	19
	1.10.7 Kajian Eksperimental	19
	1.11 Penutup	20
<b>BAB II</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	<b>21</b>
	2.1 Pendahuluan	21
	2.2 Usahawan dan Keusahawanan	22
	2.3 Konsep Program Inkubator	25
	2.4 Usahawan Inkubator dan Peranannya	25
	2.5 Kepentingan Latihan Keusahawanan	28
	2.6 Pengajaran Bermodul	30
	2.7 Tujuan Pengajaran Bermodul	32
	2.8 Hasil Kajian Lepas	33
	2.9 Penutup	35
<b>BAB III</b>	<b>METODE KAJIAN</b>	<b>36</b>
	3.1 Pendahuluan	36
	3.2 Reka Bentuk Kajian	36
	3.3 Sumber Data	37
	3.4 Populasi Kajian	38



PTTA UTHM

PERPUSTAKAAN TUNKU AMINAH



<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	3.5 Instrumen Kajian	38
	3.5.1 Borang Soal Selidik	39
	3.6 Kajian Rintis	40
	3.7 Prosedur Kajian	42
	3.8 Kaedah Analisis Data	44
	3.8.1 Analisis Kuantitatif	44
	3.8.2 Analisis Kualitatif	46
	3.9 Limitasi Kajian	46
	3.10 Andaian Kajian	47
	3.11 Penutup	47
<b>BAB IV</b>	<b>DESKRIPSI PRODUK</b>	<b>48</b>
	4.1 Pendahuluan	48
	4.2 Penghasilan Modul	48
	4.3 Matlamat Penghasilan Modul	49
	4.4 Objektif Penghasilan Modul	49
	4.5 Kerangka Teori Penghasilan Produk	50
	4.6 Kronologi Pembinaan Produk	51
	4.7 Kandungan Modul	55
	4.8 Jadual Kerja Penghasilan Produk	58
	4.9 Sasaran Penggunaan Modul	58
	4.10 Prinsip Menggunakan Modul	59
	4.11 Kegunaan Modul	60
	4.12 Batasan Modul	60
	4.13 Kelebihan Modul	61
	4.14 Permasalahan Dalam Membina Modul	61
	4.15 Bahan dan Kos Menghasilkan Modul	62
	4.16 Penutup	63



PTTA UTHM

PERPIJIAN TUNKU TUN AMINAH

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
BAB V	ANALISIS DATA DAN DAPATAN	64
5.1	Pendahuluan	64
5.2	Analisis Daripada Item Ujian Modul	65
5.2.1	Pencapaian Pelajar Ko-kurikulum Keusahawanan KUiTTHO Setelah Menggunakan Modul Latihan Keusahawanan Inkubator	65
5.3	Analisis Daripada Aplikasi Perniagaan Sebenar	67
5.3.1	Aplikasi Catatan Urusniaga Harian Dalam Situasi Perniagaan Sebenar	68
5.3.2	Penyata Akaun Penamat Yang Dihasilkan Daripada Aplikasi Perniagaan Yang Dijalankan	71
5.4	Analisis Daripada Borang Soal Selidik	73
5.5	Analisis Kecenderungan Pelajar Untuk Menceburkan Diri Dalam Bidang Perniagaan	73
5.5.1	Analisis Terhadap Kecenderungan Minat Pelajar Untuk Menceburkan Diri Dalam Bidang Perniagaan	73
5.5.2	Analisis Terhadap Kebolehan Pelajar Untuk Menceburkan Diri Dalam Bidang Perniagaan	75
5.5.3	Analisis Terhadap Keyakinan Pelajar Untuk Menceburkan Diri Dalam Bidang Perniagaan	77
5.5.4	Analisis Terhadap Semangat Pelajar Untuk Menceburkan Diri Dalam Bidang Perniagaan	79
5.5.5	Analisis Terhadap Kecenderungan Pelajar Untuk Menceburkan Diri Dalam Bidang Perniagaan Secara Keseluruhan	81



BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	5.6 Penutup	83
<b>BAB VI</b>	<b>KESIMPULAN, CADANGAN DAN PENUTUP</b>	<b>84</b>
	6.1 Pendahuluan	84
	6.2 Kesimpulan Hasil Kajian	85
	6.2.1 Kesimpulan Hasil Kajian Terhadap Pencapaian Responden Setelah Menggunakan Modul Latihan Keusahawanan Inkubator	85
	6.2.2 Kesimpulan Hasil Kajian Terhadap Aplikasi Catatan Urusniaga Harian dan Penyata Akaun Penamat Yang Dihasilkan Oleh Responden Dalam Situasi Perniagaan Sebenar	86
	6.2.3 Kesimpulan Hasil Kajian Terhadap Maklum Balas Kecenderungan Responden Untuk Menceburkan Diri Dalam Bidang Perniagaan Setelah Mengikuti Program Latihan dan Keusahawanan Inkubator di KUiTTHO	89
	6.3 Cadangan Kepada Pihak Ko-kurikulum Keusahawanan KUiTTHO	91
	6.4 Cadangan Kepada Pengkaji Akan Datang	93
	6.5 Cadangan Untuk Meningkatkan Kualiti Modul	93
	6.6 Penutup	94
	<b>RUJUKAN</b>	<b>96</b>



BAB	PERKARA	MUKA SURAT
LAMPIRAN		102
Lampiran A ~ G		102 – 163



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Skala Pemeringkatan Likert	39
3.2	Borang Soal Selidik	40
3.3	Jadual Tafsiran Min	45
5.1	Ujian T (Paired Samples) Markah Ujian Awal dan Ujian Akhir	66
5.2	Analisis Catatan Urusniaga Harian Daripada Aplikasi Perniagaan Sebenar	68
5.3	Analisis Penyata Akaun Penamat Yang Dihasilkan Oleh Pelajar Daripada Aplikasi Perniagaan Sebenar	71
5.4	Analisis Min dan Sisihan Piawai Yang Menyatakan Responden Semakin Berminat Untuk Menceburkan Diri Dalam Bidang Perniagaan	74
5.5	Analisis Min dan Sisihan Piawai Yang Menyatakan Responden Berkebolehan Untuk Menceburkan Diri Dalam Bidang Perniagaan	76
5.6	Analisis Min dan Sisihan Piawai Yang Menyatakan Responden Berkeyakinan Untuk Menceburkan Diri Dalam Bidang Perniagaan	78
5.7	Analisis Min dan Sisihan Piawai Yang Menyatakan Responden Bersemangat Untuk Menceburkan Diri Dalam Bidang Perniagaan	80
5.8	Analisis Min dan Sisihan Piawai Yang Menyatakan Responden Cenderung Untuk Menceburkan Diri Dalam Bidang Perniagaan	82



PTAAUTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU AMINAH



## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Maklum Balas Pelajar Terhadap Program Keusahawanan KUiTTHO	11
3.1	Pelaksanaan Modul Latihan Keusahawanan Inkubator	42
4.1	Kerangka Teori Penghasilan Produk	50
4.2	Carta Gant Jadual Kerja	58



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	102
B	Analisis Kebolehpercayaan	105
C	Ringkasan Pemprosesan Data	106
D	Rekod Urusniaga Pelajar	118
E	Helaian Log	151
F	Gambarajah Modul	162
G	Gambar Aktiviti Perniagaan Responden	163



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## BAB 1

### Pengenalan

#### 1.1 Pendahuluan

Kemerosotan ekonomi yang bermula pada akhir 1997 telah memberi kesan yang mendalam kepada semua pihak terutama kepada individu yang terlibat dalam sektor perniagaan dan perdagangan. Menurut Abdul Halim (2000) dalam buku "Siri Ucapan Penting: Belanjawan 2001", menyatakan bahawa ekonomi negara telah diumumkan mengalami pemulihan yang membanggakan. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah meningkat daripada pengucupan 7.4% pada 1998 kepada 5.8% dalam tahun 1999 (Roslina, 2001). Keadaan ini telah memberi kelegaan di kalangan semua pihak terutama kepada mereka yang mempunyai hubungan langsung dengan bidang perniagaan.

Bagi usahawan di sektor industri kecil dan sederhana (IKS), suasana ekonomi pada alaf baru ini pastinya menjadi lebih mencabar. Usahawan alaf baru memikul lebih banyak tugas dan tanggungjawab, perlu mempunyai kebolehan luar biasa dalam memenuhi keperluan hidup masyarakat dan berupaya menangani cabaran alaf baru yang komplikated. Cabaran ini bukan sahaja merangkumi aspek keperluan fizikal yang boleh dipenuhi dan dipuaskan menurut keinginan masyarakat, malah merangkumi cabaran spritual dan mental dalam merentasi perubahan ekonomi yang sentiasa bergerak pantas. Cabaran yang harus ditempuh pada masa akan datang juga adalah lebih kompleks dan ini memerlukan seseorang usahawan menjadi lebih bersedia, berani dan kuat dari segi fizikal dan pemikiran mental (Saunah Zainon, 2001).

Menyedari hakikat ini, usahawan alaf baru bukan sahaja perlu mempunyai kebolehan ataupun kemahiran diri malah perlu juga memiliki kompetensi atau ketrampilan diri (Saunah Zainon, 2001). Keperluan ini bertujuan memastikan wujud satu gabungan yang mantap dalam melaksanakan tugas dengan lebih sempurna dan penghasilan mutu kerja yang boleh dibanggakan. Sulaiman Sajilan (1999), menyatakan bahawa kompetensi usahawan dapat dilihat melalui 13 ciri berikut iaitu inisiatif, melihat dan merebut peluang, kecekalan, mencari maklumat, menitik beratkan mutu kerja yang tinggi, komitmen kepada perjanjian kerja, membuat perancangan yang sistematik, kemahiran menyelesaikan masalah, keyakinan diri, ketegasan, kemampuan meyakinkan orang lain dan kemampuan menggunakan strategi pengaruh. Menurut beliau lagi, kemahiran ini perlu ada pada seseorang usahawan untuk berjaya dalam perniagaan.

Menurut Mohd Rosli Mohamad (2000), negara membangun seperti Malaysia memerlukan usahawan-usahawan IKS bagi membantu negara dalam usaha untuk meningkatkan pertumbuhan keluaran negara, penciptaan peluang-peluang pekerjaan, memberikan sumbangan dalam usaha meningkatkan tabungannya, mempercepatkan kadar pertumbuhan ekonomi melalui kutipan cukai syarikat, menjimatkan tukaran wang asing dan mewujudkan agihan pendapatan yang lebih baik kepada penduduk sekaligus mengurangkan jurang kemiskinan.

Sehubungan dengan itu, usaha untuk terus melahirkan usahawan yang berjaya perlu terus dipergiatkan dengan memberi galakan melalui latihan dan pendidikan keusahawanan bagi membantu mereka menyediakan diri bagi menghadapi suasana perniagaan yang mencabar. Selain itu, latihan dan pendidikan juga dapat memberi pendedahan kepada para usahawan tentang selok-belok bidang perniagaan dan hal-hal keusahawanan seperti yang dinyatakan oleh Howard Stevan (1995) seorang pakar pendidikan keusahawanan iaitu, '*Entrepreneurs are born and made*' (Zaharuddin, 1995). Ini bermakna latihan dan pendidikan amat diperlukan dalam mewujudkan usahawan yang berkualiti yang mana ia akan menyumbang ke arah pembangunan ekonomi negara.



## 1.2 Latar Belakang Masalah

Dr. Mahathir dalam ucapannya pada pembentangan satu kertas kerja bertajuk “*Malaysia – The Way Forward*” telah menekankan matlamat untuk menjadikan Malaysia “...sebagai sebuah negara industri” dan “...pembentukan sebuah negara Malaysia yang benar-benar maju menjelang tahun 2020...menurut acuan kita sendiri...” (Mahathir, 1991). Justeru itu, satu petunjuk ekonomi telah disediakan untuk membantu negara mencapai taraf negara perindustrian. Keluaran Negara Kasar (KNK) perlu ditingkatkan daripada RM115 bilion pada tahun 1990 kepada RM920 bilion pada tahun 2020 (merupakan satu peningkatan sebanyak lapan kali ganda). Pendapatan per kapita benar pula perlu bertambah sebanyak empat kali ganda, manakala ekonomi perlu tumbuh pada kadar purata sebanyak 7 peratus setahun (Mohd Rosli Mohamad, 2000).

Seiring dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan status negara perindustrian menjelang tahun 2020, negara memerlukan lebih ramai rakyatnya melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan dan perniagaan yang boleh menampung pelbagai permintaan bagi sebuah negara industri. Oleh itu, dalam usaha untuk memajukan sektor perindustrian dan melahirkan lebih ramai para usahawan di negara ini, negara begitu aktif menggerakkan jentera kerajaan untuk melatih dan menyediakan sebilangan signifikan sumber tenaganya, agar dapat bergiat dalam aktiviti keusahawanan dan perniagaan (Mahmood Nazar, 1996).

Usaha kerajaan ini disokong oleh pelbagai program perniagaan dan keusahawanan anjuran pelbagai agensi seperti Kementerian Pembangunan Usahawan, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Permodalan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Pusat Inkubator, Institut Usahawan Bumiputera (IUB), Taman Teknologi, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN), Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC) dan lain-lain lagi. Semua agensi yang diwujudkan ini bermatlamat untuk melahirkan usahawan-usahawan yang berilmu, berkaliber, berketrampilan serta mempunyai ilmu pengurusan dan keusahawanan yang tinggi. Menerusi kursus-kursus yang dianjurkan oleh pelbagai agensi ini, diharapkan para usahawan atau calon peniaga memperoleh pengetahuan yang luas berkenaan dengan dunia perniagaan serta mampu untuk



mengendalikan perniagaan yang dijalankan dengan sempurna. Ini kerana, menurut Prof Madya Dr. Haji Razmi Chik selaku Ketua MEDEC, menyatakan bahawa bakal usahawan boleh dibentuk dan dibangunkan sekiranya mereka dibekalkan dengan ilmu pengetahuan, diterap ketrampilan, dimantapkan nilai dan sikap serta khidmat sokongan (Salaudin Abmad, 2001).

### 1.3 Penyataan Masalah

Kehadiran ramai usahawan-usahawan baru, yang di antaranya sanggup melepaskan jawatan yang tinggi untuk terjun ke dunia perniagaan merupakan satu fenomena yang menggalakkan dan amat membanggakan. Tidak dinafikan sememangnya ramai daripada golongan belia di negara ini mempunyai minat ataupun keinginan untuk berniaga, tetapi mereka tidak mempunyai ilmu yang mencukupi dalam mengurus dan mengendalikan perniagaan. Menurut Mat Hassan Esa (1996), setiap usahawan yang sedang beroperasi ataupun baru, harus mempertingkatkan kemahiran diri dan menimba ilmu pengetahuan bagi mempertingkatkan lagi kualiti dan kuantiti pengeluaran barangan dan perkhidmatan mereka supaya boleh bersaing dalam pasaran yang kompetitif dan terbuka dalam malupun luar negara. Dato Abdullah Omar, Timbalan Pengerusi KFC pula, telah menyatakan bahawa usahawan mesti melengkapkan diri dengan ilmu IT serta mampu menggunakan segala teknologi untuk mempromosikan perniagaan (Rahmah Saad, 2001). Ramai di antara para usahawan menganggap bahawa mereka telah pakar dan mahir mengenai bidang perniagaan. Padahal ilmu yang dimiliki itu masih cetek bagi menjalankan perniagaan yang berdaya maju. Ini disokong oleh Iskandar Abdullah (1991) yang menyatakan bahawa kemahiran pengurusan di kalangan pengusaha industri kecil masih di tahap yang rendah terutamanya dalam aspek pengurusan kewangan, maklumat dalam perniagaan, kualiti keluaran dan perkhidmatan dan juga aspek pemasaran.

Selain itu, di dapati ramai usahawan yang gagal dalam perniagaan adalah disebabkan oleh kekurangan ilmu pengetahuan tentang pengurusan kewangan. Usahawan, tanpa mengira jenis dan saiz perniagaan yang dijalankan, sepatutnya mengetahui kesan sistem akaun yang lengkap terhadap perniagaan mereka. Sikap

yang betul terhadap perakaunan dan pemahaman tentang pentingnya mempunyai satu sistem akaun yang baik memberi kelebihan kepada usahawan dan perniagaan itu sendiri. Malah tidak keterlaluan jika dikatakan perakaunan umpama nadi kepada sesebuah perniagaan. Tanpa perancangan kewangan yang kemas dan rapi, sesebuah perniagaan itu berkeadaan rapuh dan mampu jatuh dengan hanya sedikit goncangan. Ini disokong oleh Peacock (1985) dan Berryman (1983) yang merumuskan bahawa pengurusan kewangan yang lemah dan cuai adalah faktor penyebab kepada kegagalan sesebuah perniagaan (Wan Mohd. Nazif, 2001). Walker dan Petty (1978) juga berpendapat bahawa satu faktor kegagalan firma kecil adalah disebabkan kegagalan mereka menyediakan maklumat kewangan yang diperlukan dalam proses membuat keputusan (Iskandar Abdullah, 1991).

Ada juga di antara individu yang berpotensi dan mempunyai bakat semula jadi di dalam mengendalikan dan menguruskan perniagaan tetapi tiada kecenderungan untuk menjalankan perniagaan. Oleh itu, pendedahan awal kepada pelajar terhadap dunia perniagaan perlu dilakukan diperingkat yang paling awal iaitu ketika mula bersekolah. Pelaksanaan Program Usahawan Muda yang diperkenalkan pada tahun 1989 di dua buah sekolah di bawah Program Pembangunan Usahawan, Jabatan Perdana Menteri adalah bermatlamat untuk memupuk, menyemai dan menerapkan budaya keusahawanan di kalangan pelajar, melatih pelajar tentang aspek-aspek penting pengurusan perniagaan secara amali dan melahirkan bakal usahawan yang berkualiti dan berdaya maju (Noraini Zakaria, 1997). Selain Program Usahawan Muda (PUM), terdapat beberapa agensi kerajaan dan swasta yang menjalankan program yang serupa dengan kerjasama Kementerian Pendidikan iaitu Young Enterprise Malaysia oleh American Malaysian Chamber of Commerce (AMCHAM), Esso Young Entrepreneur oleh Esso Production Malaysia Inc, Tunas Bistari oleh Institut Pembangunan Johor (IPPJ) dan Program Usahawan Muda oleh Yayasan Negeri Sembilan.

Selain itu, menyedari hakikat bahawa bertambah ramainya bilangan lulusan dari institusi pengajian tinggi yang masih belum mendapat pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan masing-masing, Jabatan Perdana Menteri telah membuat keputusan supaya semua universiti tempatan mengadakan program keusahawanan. Matlamat utama program ini ialah untuk melengkapkan lulusan dengan kemahiran

keusahawanan supaya mereka tidak hanya mampu menjalankan tugas yang ada kaitan dengan bidang pengkhususan semata-mata, bahkan mampu menceburi bidang keusahawanan yang tentunya lebih luas dan mencabar (Jurnal Keempat Hal Ehwal Pelajar Universiti-Universiti Tempatan dan ITM, 1990).

Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) juga merupakan salah sebuah universiti yang turut mewujudkan kursus keusahawanan dalam aktiviti ko-kurikulum dan kurikulumnya. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji ingin melihat sejauh manakah program ko-kurikulum keusahawanan di KUiTTHO memberi kesan kepada para pelajar dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran tentang selok belok menguruskan perniagaan? Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan modul pengajaran iaitu Modul Latihan Keusahawanan Inkubator (perakaunan) dalam menilai keberkesanan pelaksanaan program latihan keusahawanan kerana kaedah pengajaran bermodul mempunyai banyak kelebihan berbanding sistem pengajaran biasa iaitu pengajaran tanpa modul. Selain itu, pengkaji menggunakan pengajaran bermodul dalam menilai keberkesanan pelaksanaan program latihan keusahawanan kerana kursus keusahawanan yang dilaksanakan di KUiTTHO masih menggunakan pendekatan sistem pengajaran tanpa modul.

Burns (1971) menyatakan bahawa salah satu tujuan pengajaran bermodul ialah untuk membolehkan para pelajar meneruskan proses pembelajaran mereka mengikut kecepatan sendiri (Shaharom, 1991). Konsep kecepatan sendiri ini penting berdasarkan pada kesedaran bahawa kejayaan yang dicapai oleh para pelajar itu bukanlah pada kadar yang sama dan mereka juga sebenarnya tidak mempunyai tahap kesediaan untuk belajar pada masa yang sama. Oleh itu, pembelajaran sebegini dapat memberikan cabaran yang betul kepada para pelajar dan menyediakan maklum balas yang tepat terhadap pencapaian mereka dan akan membuatkan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berkesan. Selain itu, menurut Shaharom (1991), antara kebaikan pengajaran bermodul kepada pelajar ialah boleh mengurangkan saingan dan ancaman dalam menghadapi kegagalan yang mana ini akhirnya boleh meningkatkan kerjasama iaitu para pelajar akan berkongsi tanggungjawab untuk pembelajaran bersama para guru ataupun pensyarah. Selain itu, pengajaran bermodul dapat memberi sedikit ruang kebebasan untuk meneruskan proses pembelajaran mereka mengikut kebolehan dan cara masing-masing dalam

menyudahkan aktiviti pembelajaran yang terkandung dalam modul berkenaan. Menurut Tengku Mohd Azman (1991) dalam Shahrarom (1991) pula, kebaikan pengajaran bermodul kepada para guru ataupun pensyarah ialah ianya dapat “membebaskan” para guru ataupun pensyarah dari membuat persediaan untuk bahan yang serupa dan tugas-tugas rutin pentadbiran yang sepatutnya dilakukan oleh kaki tangan sokongan. Pembebasan ini boleh meningkatkan lagi produktif mereka. Dalam sistem sekarang, produktif mereka adalah rendah disebabkan oleh banyak masa digunakan untuk aktiviti-aktiviti lain selain dari mengajar. Oleh itu, dengan adanya Modul Latihan Keusahawanan Inkubator (perakaunan) yang dihasilkan oleh pengkaji, diharapkan dapat membantu pelajar dan pensyarah ko-kurikulum keusahawanan KUiTTHO dalam proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan, menarik, produktif dan cekap.

Sementara itu, tujuan pengkaji memilih modul latihan keusahawanan di bawah Program Inkubator (Modul Latihan Keusahawanan Inkubator) dalam menilai keberkesanan pelaksanaan program latihan keusahawanan kerana Program Inkubator merupakan sebuah program keusahawanan yang berperanan membantu usahawan-usahawan baru menguruskan perniagaan mereka pada peringkat awal penubuhan agar usahawan-usahawan yang berjaya dapat dilahirkan. Program ini hanya berperanan menolong usahawan syarikat kecil yang baru muncul sahaja agar mereka dapat membesarkan perniagaan mereka dengan cara memberi bantuan khidmat nasihat kepakaran sama ada dalam bentuk pengendalian perniagaan, kewangan, bidang teknikal, sistem pelaksanaan pentadbiran dan sistem maklumat. Di bawah Program ini juga, kemudahan pejabat secara berkongsi atau gunasama pada kos yang minimum disediakan, di samping memberikan latihan-latihan perniagaan serta bimbingan tertentu untuk membolehkan mereka memulakan perniagaan sehinggalah ke satu peringkat di mana mereka mampu untuk berdikari bagi meneruskan perniagaan masing-masing di tempat baru. (Sherman and Chappell, 1998).

Selain itu, pengkaji memilih Program Inkubator kerana kajian yang dijalankan oleh pengkaji sendiri dalam projek sarjana muda yang berjudul “Penilaian Terhadap Kejayaan Yang Dicapai Oleh Usahawan-Usahawan Program Inkubator: Kajian Di Pusat Inkubator MARA, Johor” telah mendapati bahawa usahawan-usahawan di bawah Program Inkubator telah berjaya dari segi kejayaan membentuk



misi perniagaan yang unggul, memberi tumpuan terhadap pelanggan dan perkhidmatan yang ditawarkan, kebolehan melaksanakan inovasi, mempunyai inspirasi diri yang tinggi, kemampuan meningkatkan kekayaan syarikat, kemampuan berdikari, peningkatan dalam kemahiran pengurusan, kebolehan bersaing dan kemampuan menguasai pasaran. (Nurazlinda, 2000). Memandangkan pelajar-pelajar ko-kurikulum keusahawanan KUiTTHO merupakan bakal-bakal usahawan baru yang ada potensi untuk menjadi usahawan yang berjaya berdasarkan latar belakang pendidikan mereka (kejuruteraan), maka pengkaji merasakan Program Latihan dan Keusahawanan Inkubator adalah suatu bentuk latihan keusahawanan yang paling sesuai dilaksanakan di situ. Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Mohd Yusop, Ahmad dan Sarebah (2001) terhadap 240 orang mahasiswa tahun akhir KUiTTHO, telah mendapati bahawa kesediaan mereka untuk menceburi bidang keusahawanan adalah pada tahap yang sederhana. Justeru itu, pengkaji mengharapkan Program Latihan dan Keusahawanan Inkubator ini mampu meningkatkan tahap kesediaan pelajar-pelajar ko-kurikulum keusahawanan KUiTTHO untuk melibatkan diri dalam bidang perniagaan.

Oleh itu, berdasarkan masalah-masalah dan situasi-situasi yang dibangkitkan di atas serta pandangan dan pendapat daripada golongan yang ada kepentingan dan autoriti dalam bidang keusahawanan, maka pengkaji ingin menghasilkan Modul Latihan Keusahawanan Inkubator (perakaunan) dan mendapatkan maklum balas terhadap modul tersebut.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan-persoalan berikut:

- a) Sejauh manakah Modul Latihan Keusahawanan Inkubator memberi kesan kepada pencapaian pelajar ko-kurikulum keusahawanan KUiTTHO dalam bidang keusahawanan?



- b) Sejauh manakah pelajar dapat mengaplikasikan catatan urusanniaga harian yang telah dipelajari dalam situasi perniagaan sebenar?
- c) Sejauh manakah penyata akaun penamat yang dihasilkan oleh pelajar ko-kurikulum keusahawanan KUiTTHO daripada aplikasi perniagaan yang dijalankan?
- d) Sejauh manakah kecenderungan pelajar untuk melibatkan diri dalam bidang perniagaan setelah mengikuti Program Latihan dan Keusahawanan Inkubator?

### 1.5 Objektif Kajian

Objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini ialah:

- a) Mengetahui pencapaian pelajar ko-kurikulum keusahawanan KUiTTHO setelah menggunakan Modul Latihan Keusahawanan Inkubator (perakaunan).
- b) Melihat sejauh mana pelajar dapat mengaplikasikan catatan urusanniaga harian dalam situasi perniagaan sebenar.
- c) Melihat penyata akaun penamat yang dihasilkan oleh pelajar daripada aplikasi perniagaan yang dijalankan.
- d) Mengetahui kecenderungan pelajar ko-kurikulum keusahawanan KUiTTHO untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan setelah mengikuti Program Latihan dan Keusahawanan Inkubator.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## 1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian ini adalah seperti berikut;

- a) Hipotesis null ( $H_0$ ) : Tidak terdapat perbezaan markah pra ujian dan pos ujian yang diberikan kepada pelajar ko-kurikulum keusahawanan KUiTTHO.
- b) Hipotesis alternatif ( $H_1$ ): Terdapat perbezaan markah pra ujian dan pos ujian yang diberikan kepada pelajar ko-kurikulum keusahawanan KUiTTHO.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Hasil penemuan daripada kajian ini memberi kepentingan kepada:

### a) Pensyarah Ko-Kurikulum Keusahawanan KUiTTHO

Kajian ini dapat memberi gambaran yang jelas tentang keberkesanan kaedah pengajaran bermodul. Dengan adanya Modul Latihan Keusahawanan Inkubator (perakaunan) yang dihasilkan oleh pengkaji, diharapkan dapat membantu pensyarah yang terlibat dalam ko-kurikulum keusahawanan KUiTTHO dalam proses pengajaran dengan lebih berkesan, menarik, produktif dan cekap. Oleh itu, hasil penemuan daripada kajian ini diharapkan dapat membantu pensyarah yang terlibat dalam ko-kurikulum keusahawanan KUiTTHO dalam membuat pengekalan ataupun perubahan tertentu supaya program keusahawanan yang dijalankan akan lebih berjaya dan memberi kesan kepada para pelajar.

### b) Pelajar Ko-Kurikulum Keusahawanan KUiTTHO


Kajian ini dapat memberi gambaran yang jelas tentang keberkesanan dan faedah yang bakal diperolehi oleh pelajar ataupun bakal usahawan yang mengikuti Program Latihan dan Keusahawanan Inkubator. Kajian ini juga turut memberi gambaran yang jelas tentang kemampuan pelajar dalam mengaplikasikan pengetahuan yang diperolehi daripada program ini kepada situasi pemiagaan yang

sebenarnya. Oleh itu kajian ini diharapkan dapat memberi idea dan cadangan kepada para pelajar dan bakal usahawan lain dalam merancang kursus keusahawanan yang perlu diikuti supaya mereka juga turut mencapai kejayaan yang diinginkan dalam perniagaan masing-masing.

c) **Menambah Bahan Ilmiah dan Rujukan**

Hasil kajian ini juga dapat menambah bahan ilmiah dan rujukan berkenaan dengan bidang perniagaan dan keusahawanan di negara kita bagi golongan-golongan yang berminat.

### 1.8 Kerangka Teori



**Sumber:**

1. <sup>1</sup>Iskandar Abdullah (1991). "Keperluan Pengusaha-pengusaha Perindustrian Kecil." dlm. *Usahawan Malaysia* (November 1991). Batu Caves: Penerbit Pustaka Wira Sdn. Bhd.
2. <sup>1</sup>Wan Mohd. Nazif (2001). "Sistem Akaun Perniagaan: Usahawan Perlu Ubah Sikap." dlm. *Dewan Ekonomi* (Oktober 2001). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka. Bil. 0547. Jilid 09.
3. <sup>1</sup>Wan Noraini Zakaria (1991). "Usahawan Tulen: Mulakan Di Peringkat Awal." dlm. *Usahawan Malaysia* (Mei – Jun 1997). Batu Caves: Penerbit Pustaka Wira Sdn. Bhd. Bil. 92. Thn 9.
4. <sup>2</sup>Mohd Yusop, Ahmad dan Sarebah (2001). Kesediaan Pelajar-Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Menceburi Bidang Keusahawanan: Satu Kajian Kes. Batu Pahat: Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn. Satu Perbentangan Kertas Kerja di Persidangan Kebangsaan Pertama Keusahawanan dan Perniagaan Kecil di Langkawi.
5. <sup>3</sup>Ahamad Zaidi Bahari (1995). Prinsip Perakaunan. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

**1.8.1 Huraian Kerangka Teori**

Berdasarkan Rajah 1.1, isu-isu keusahawanan dan pelajar merupakan input kepada Program Keusahawanan KUiTTTHO. Isu-isu keusahawanan ini merupakan permasalahan dalam kajian yang telah diterangkan dalam pernyataan masalah. Program keusahawanan KUiTTTHO yang merangkumi Modul Keusahawanan Inkubator (perakaunan) dan aplikasi perniagaan sebenar merupakan proses yang telah dilalui oleh pelajar ko-kurikulum keusahawanan KUiTTTHO sesi 2002/2003. Program ini telah diikuti oleh pelajar tersebut selama satu semester bermula pada awal bulan Jun 2002.

Hasil daripada program keusahawanan yang telah diikuti oleh pelajar-pelajar tersebut, telah memberikan output iaitu kesan dan sumbangan kepada mereka. Kesan dan sumbangan yang telah dikenal pasti ialah kecenderungan pelajar berkenaan untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan setelah mengikuti program keusahawanan di KUiTTTHO yang diukur dari aspek minat, keyakinan, kebolehan dan semangat mereka.

Secara keseluruhannya kajian ini adalah berkaitan dengan pelaksanaan Modul Keusahawanan Inkubator dan aplikasi perniagaan sebenar yang telah diberikan kepada pelajar terlibat sepanjang mengikuti Program Latihan dan Keusahawanan Inkubator yang dijalankan di bawah program ko-kurikulum keusahawanan KUiTTHO.

Penilaian ke atas Modul Keusahawanan Inkubator telah dapat melihat faedah dan kebaikan penggunaan modul dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta kebolegunaan dan kebolehterimaan modul tersebut pada masa-masa yang akan datang. Selain itu, kajian keseluruhan juga telah dapat melihat sama ada program keusahawanan yang dijalankan di KUiTTHO ini dapat memberi kesan ke atas pelajar dari aspek peningkatan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pengurusan kewangan serta kecenderungan mereka untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan setelah mengikuti program keusahawanan tersebut.

#### 1.9 Skop Kajian

- a) Kajian ini hanya dijalankan di KUiTTHO.
- b) Dalam kajian ini, tumpuan utama adalah pelajar-pelajar yang terlibat dalam ko-kurikulum keusahawanan, semester 1, sesi 2002/2003.
- c) Kajian ini hanya memberi tumpuan kepada pencapaian pelajar yang terlibat dalam kaedah pengajaran menggunakan Modul Latihan Keusahawanan Inkubator (perakaunan).
- d) Modul yang dihasilkan untuk kajian ini hanya melibatkan bidang perakaunan sahaja iaitu memfokus kepada Perekodan Kedai Runcit. Maka keberkesanan kaedah pengajaran bermodul dalam bidang keusahawanan Inkubator yang dikaji adalah terhadap kepada Perekodan Kedai Runcit sahaja.
- e) Modul Latihan Keusahawanan Inkubator ini juga dihasilkan untuk pengajaran selama lima minggu kuliah. Walau bagaimanapun, keseluruhan kajian ke



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

atas pelajar ko-kurikulum keusahawanan akan memakan masa selama satu semester untuk melihat sejauh mana Program Latihan dan Keusahawanan Inkubator dapat diaplikasikan oleh pelajar dalam situasi perniagaan sebenar.

- f) Kajian yang dijalankan ini juga adalah untuk mengetahui kecenderungan pelajar ko-kurikulum keusahawanan untuk melibatkan diri dalam bidang perniagaan pada masa-masa yang akan datang.

## 1.10 Definisi Istilah

### 1.10.1 Pelaksanaan

Menurut Kamus Dewan Edisi Baru (1989), pelaksanaan bermaksud “perihal melaksanakan (menjalankan, mengusahakan) rancangan (tugas dan sebagainya)”.

Bagaimanapun, dalam konteks kajian ini, pelaksanaan bermaksud melaksanakan Modul Latihan Keusahawanan Inkubator (perakaunan) ke atas pelajar yang mengikuti ko-kurikulum keusahawanan KUiTTHO semester 1, sesi 2002/2003 yang berjumlah 39 orang untuk melihat keboleh terimaan, keboleh gunaan dan keberkesanan modul tersebut.

### 1.10.2 Modul

Secara umumnya modul bererti “unit-unit yang terkandung dalam satu keseluruhan (entiti) yang besar” (Sharifah Alwiah, 1997). Dengan pengertian ini, istilah modul telah banyak digunakan dalam bidang-bidang lain selain dari bidang pendidikan; misalnya komponen-komponen televisyen juga dinamakan modul, begitu juga komponen tertentu dalam kapal angkasa lepas. Oleh itu, modul-modul ini merupakan bahagian-bahagian kecil yang tersendiri tetapi lengkap dan berkait rapat di antara satu bahagian kecil dengan bahagian-bahagian kecil yang lain. Dalam bidang pendidikan pula, modul pernah diberi pengertian sebagai unit-unit media



dalam satu rancangan mengajar (seperti filem ialah satu modul, begitu juga pita video, pita audio dan sebagainya).

Menurut rujukan Ensiklopedia Malaysiana Jilid 13 (1996), modul merupakan bukan kursus (mata pelajaran, latihan dan lain-lain) yang dilaksanakan secara tersendiri untuk mencapai sesuatu kemahiran. Encyclopedia Dictionary Jilid 15 (1991) pula mentakrifkan, "*module is a measure or unit proportion; any element or unit that forms part of larger system. For example an educational course and an image or counterfeit.*"

Selain itu, Kamdi (1990) dalam Shahrarom (1991) mentakrifkan modul sebagai "suatu pakej pengajaran pembelajaran atau pual belajar sendiri yang lengkap mengandungi komponen-komponen pengajaran pembelajaran seperti objektif, bahan dan aktiviti pembelajaran, aktiviti penilaian serta arahan dan tatacara yang sistematik supaya murid-murid dapat mengikuti langkah demi langkah menguasai sesuatu unit pembelajaran dan menjadikan pembelajaran boleh dijalankan secara individu".

Bagaimanapun, dalam konteks kajian ini, modul yang dimaksudkan adalah Modul Latihan Keusahawanan Inkubator (perakaunan) yang disediakan untuk pelajar-pelajar yang mengikuti ko-kurikulum keusahawanan KUiTTHO semester 1, sesi 2002/2003 yang berjumlah 39 orang.

### 1.10.3 Latihan Keusahawanan

Kamus Dewan Edisi Baru (1989) mentakrifkan latihan sebagai "pelajaran atau didikan untuk memahirkan (membiasakan), ajaran yang diterima". Antara matlamat latihan ialah untuk memperdalam, memperluas dan meninggikan pengetahuan, mempertajamkan kemahiran serta dapat mengubah sikap selaras dengan kehendak, falsafah, nilai dan etika kerja (Wan Azmi, 1998).

Ensiklopedia Malaysiana (1996) pula, mentakrifkan keusahawanan sebagai "sesuatu yang berkaitan dengan kegiatan dan kemahiran usahawan". Sementara itu,

Yep Putih (1989) menyatakan bahawa keusahawanan adalah satu kebolehan, kemampuan dan kecenderungan untuk melakukan perkara-perkara seperti mengenal pasti peluang perniagaan, mengendalikan usaha perniagaan yang menguntungkan dirinya sendiri dan juga orang ramai, mendapatkan kejayaan melalui usaha-usaha yang dapat memenuhi kehendak orang ramai, mendapat kekayaan dengan cara berusaha memenuhi keperluan masyarakat, mengambil risiko yang telah diperhitungkan, mentadbir dan menggunakan faktor-faktor pengeluaran bagi menghasilkan pembangunan ekonomi dan kebajikan sosial, dan sentiasa berusaha dan bersedia untuk membuat pembaharuan yang boleh meningkatkan daya pengeluaran dari semasa ke semasa. Selain itu, menurut beliau, keusahawanan merupakan kualiti manusia yang bukan sahaja mendatangkan faedah kepada diri sendiri, tetapi ia dapat membangunkan ekonomi dengan pesat serta memberi sumbangan kepada orang lain

Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa latihan keusahawanan merupakan suatu proses pendidikan untuk melahirkan usahawan yang berkemahiran dalam bidang keusahawanan. Menurut Mat Hassan Esa (1996), latihan keusahawanan merupakan komponen terpenting dalam proses pembentukan usahawan yang berdaya tahan dan cemerlang serta dapat menanam nilai-nilai budaya keusahawanan dan keinginan setiap usahawan untuk mempertingkatkan diri demi kemajuan syarikat yang diusahakan. Saad Taib (1997) pula, menyatakan bahawa latihan keusahawanan dapat membentuk dan menyuntik ilmu keusahawanan supaya mereka lebih berminat melibatkan diri dalam bidang perniagaan apabila mereka mendapat ilmu itu.

Bagaimanapun, dalam konteks kajian ini, latihan keusahawanan yang dimaksudkan ialah program latihan dan pendidikan yang dapat menerapkan ilmu keusahawanan kepada pelajar-pelajar yang mengikuti ko-kurikulum keusahawanan KUiTTHO.

#### 1.10.4 Inkubator

Inkubator merupakan salah sebuah program keusahawanan yang terdapat di Malaysia. Pada dasarnya, tiada istilah yang khusus dapat diberikan bagi

mendefinisikan pengertian sebenar Program Inkubator. Bagaimanapun, beberapa Pusat Inkubator telah memberikan istilah berikut mengikut pengertian mereka.

Menurut *Treton Business and Technology Center* (TBTC), Program Inkubator adalah satu program yang menyediakan perkhidmatan yang membantu usahawan yang baru muncul untuk mencapai kejayaan di sepanjang tempoh kritikal iaitu tahun pertama kewujudan mereka agar mampu bersaing dengan perniagaan lain yang telah lama bertapak.

Menurut *Southeastern Utah Business and Technical Assistance Center* (BTAC) pula, Program Inkubator adalah satu kaedah yang fleksibel serta proses pengembangan perniagaan yang dinamik di mana syarikat yang baru muncul atau baru bertapak di didik dan di bantu agar mereka dapat berkembang serta bertahan pada tempoh awal penubuhan yang merupakan satu tempoh yang kritikal dimana perniagaan mudah mengalami kegagalan. Program ini menolong perniagaan baru melalui penyediaan ruang pejabat pada kos yang rendah, menyediakan perkhidmatan sokongan tugas dan menolong menguruskan perniagaan secara intensif (*Renaissance Entrepreneurship Center*, 1997).

Manakala, menurut *National Business Incubation Association* (NBIA) pula, Program Inkubator ialah suatu alat pembangunan ekonomi yang telah dirancang untuk mempercepatkan kadar pertumbuhan dan kejayaan usahawan syarikat kecil melalui urutan sokongan sumber dan perkhidmatan perniagaan. Program ini akan membantu melahirkan usahawan beserta syarikat baru yang berjaya hingga ke suatu peringkat di mana usahawan ini mampu membiayai sendiri perniagaan mereka sepenuhnya dan bebas dari sebarang program bantuan dan sokongan (*Sherman and Chappell*, 1998).

Oleh itu, di sini pengkaji membuat kesimpulan bahawa Program Inkubator adalah suatu program yang membantu syarikat-syarikat kecil baru menguruskan perniagaan mereka pada peringkat awal penubuhan agar usahawan-usahawan yang mampu berdikari sendiri serta bersaing dengan syarikat lain dapat dilahirkan.



PTA UTM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Bagaimanapun, dalam konteks kajian ini Program Inkubator merupakan suatu program keusahawanan yang menyediakan latihan keusahawanan kepada pelajar-pelajar ko-kurikulum keusahawanan KUiTTTHO semester 1, sesi 2002/2003 yang berjumlah 39 orang.

#### 1.10.5 Perakaunan

Ensiklopedia Malaysiana Jilid 1 (1996), mentakrifkan akaun sebagai “rekod penyata urusan kewangan sama ada dalam bentuk stok atau aliran dalam kunci kira-kira. Rekod ini merupakan lejar yang merekodkan debit dan kredit”. Ensiklopedia Malaysiana Jilid 14 (1996) pula, mentakrifkan akaun sebagai “rekod yang berupa catatan tentang urusan yang melibatkan pembayaran dan penerimaan wang, simpanan di bank, dan rakaman perbelanjaan” sementara perakaunan pula ditakrifkan sebagai “yang berkaitan dengan akaun”.

Menurut Ahamad Zaidi (1995), perakaunan merupakan satu sistem maklumat yang menyediakan maklumat kewangan yang berkaitan kepada setiap orang yang mempunyai atau menggunakan sumber ekonomi atau terlibat dengan kegiatan ekonomi. Menurut beliau, sebagai satu sistem maklumat kewangan, perakaunan bolehlah didefinisikan sebagai “satu proses mengenal pasti, mengukur, merekod dan menyampaikan kejadian-kejadian ekonomi sesebuah perniagaan”.

Mohd Sharif (1999) juga turut mendefinisikan perakaunan sebagai “suatu proses mengenal pasti, mengukur dan melaporkan data mengenai peristiwa dan urusan yang bersifat ekonomi, dengan tujuan memberikan maklumat mengenai kedudukan kewangan dan hasil kendalian sebuah entiti, supaya pengguna maklumat tersebut dapat membuat keputusan bermaklumat (*informed decision*)”.

Secara ringkasnya sistem perakaunan merupakan satu proses berterusan mengenal pasti, mengklas, mengukur, merekod, membentang dan menganalisis serta mentafsir semua maklumat kewangan sesebuah organisasi perniagaan bagi membolehkan pihak berkepentingan membuat keputusan. (Ahamad Zaidi 1995).

Bagaimanapun, dalam konteks kajian ini perakaunan adalah maklumat yang berkaitan dengan perekodan kedai runcit yang merangkumi catatan beregu bagi penerimaan dan pembayaran untuk akaun tunai, liabiliti, hasil dan belanja, penyata aliran tunai, untung rugi, dan kunci kira-kira yang perlu di sediakan oleh sesebuah perniagaan.

#### 1.10.6 Institusi Pendidikan Teknikal

Ensiklopedia Malaysiana Jilid 14 (1996), mentakrifkan institusi sebagai “badan yang ditubuhkan untuk melaksanakan tugas-tugas tertentu” manakala pendidikan sebagai “perihal mendidik” dan teknikal pula sebagai “hubungan atau yang berkaitan dengan sesuatu bidang pengetahuan tertentu”.

Oleh itu, pengkaji membuat kesimpulan bahawa Institusi Pendidikan Teknikal adalah suatu badan yang ditubuhkan untuk tujuan mendidik pelajar dalam sesuatu bidang pengetahuan tertentu seperti universiti, kolej ataupun maktab.

Bagaimanapun dalam konteks kajian ini, Institusi Pendidikan Teknikal adalah Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO).

#### 1.10.7 Kajian Eksperimental

Kamus Dewan Edisi Baru (1989), mentakrifkan eksperimental sebagai “yang berkaitan dengan (berasaskan, bersifat) eksperimen atau percubaan baru”. Menurut Mohamad Najib (1999), kajian eksperimental dapat menerangkan dengan lebih jelas sesuatu fenomena bersabit dengan punca dan akibat tetapi memerlukan kebijaksanaan penyelidik. Menurut beliau lagi, reka bentuk asas kajian eksperimental adalah berdasarkan sampel yang didedahkan kepada satu pengalaman dan kesannya diuji. Selalunya dua ujian yang dilakukan iaitu ujian pra (*pre test*) untuk menentukan faktor kemasukan dan ujian pos (*post test*) untuk menentukan kesan.

Bagaimanapun, dalam konteks kajian ini, kajian eksperimental ialah kajian ke atas pelajar-pelajar ko-kurikulum keusahawanan KUiTTHO, dengan memberi ujian awal (*pre test*) dan ujian akhir (*post test*) serta aplikasi perniagaan sebenar untuk menguji kebolehterimaan, kebolegunaan dan keberkesanan Modul Latihan Keusahawanan Inkubator (perakaunan) serta mengukur prestasi dan kefahaman mereka.

### 1.11 Penutup

Kajian dan penilaian terhadap pelaksanaan Modul Latihan Keusahawanan Inkubator ke atas pelajar-pelajar yang mengikuti ko-kurikulum keusahawanan KUiTTHO perlu dilakukan untuk memberi gambaran yang jelas tentang keberkesanan program sebegini kepada bakal-bakal usahawan memandangkan program sebegini sememangnya berkeupayaan untuk melahirkan para usahawan yang berpengetahuan dan berdaya maju dan seterusnya dapat membantu kerajaan dalam meningkatkan ekonomi negara serta meningkatkan taraf hidup rakyat Malaysia.





## BAB II

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 Pendahuluan

Keperluan terhadap latihan keusahawanan kepada bakal-bakal usahawan dan usahawan baru, memang tidak dapat dinafikan kepentingannya. Justeru itu, latihan tersebut perlulah dijalankan oleh badan-badan, agensi-agensi ataupun individu-individu yang berkelayakkan dan berpengalaman sahaja dalam bidang keusahawanan. Selain itu, kurikulum latihan perlulah diselaraskan, dan penilaian keberkesanan serta tindakan lanjut perlu dibuat ke atas program yang dijalankan bagi memastikan latihan keusahawanan yang dijalankan itu lebih terfokus dan terselaraskan daripada segi kurikulum dan pendedahan kepada dunia perniagaan sebenar. Ini penting bagi memastikan matlamat untuk melahirkan usahawan yang berilmu, berkemahiran dan berdaya saing tercapai.

Setiap individu adalah berbeza dari segi kebolehan, tahap pencapaian, penerimaan, dan sebagainya. Oleh itu, pendekatan pengajaran juga perlulah disesuaikan dengan perbezaan yang terdapat pada setiap individu. Menurut Burns (1971) dalam Shahrarom (1991), pendekatan pengajaran bermodul merupakan salah satu alternatif yang dapat digunakan untuk menangani masalah perbezaan individu yang wujud di kalangan para pelajar. Pendekatan ini dapat memberikan gambaran yang menyeluruh mengenai kebolehan para pelajar di samping penilaian yang adil dapat dibuat kepada para pelajar. Selain itu, ia juga sesuai digunakan oleh kebanyakan pendidik ke arah mengembangkan potensi individu para pelajar secara menyeluruh dan ke tahap yang maksimum untuk mencapai kecemerlangan dalam pendidikan.

Program latihan keusahawanan yang dijalankan di KUiTTHO, dan agensi-agensi lain yang terlibat dalam keusahawanan juga merupakan suatu bentuk pengajaran. Justeru itu, dalam menilai keberkesanan Program Latihan dan Keusahawanan Inkubator, yang dicapai oleh pelajar ko-kurikulum keusahawanan KUiTTHO, pengajaran bermodul iaitu Modul Latihan Keusahawanan Inkubator (perakaunan) telah digunakan dalam kajian ini. Oleh itu, di dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan tentang usahawan dan keusahawan, konsep Inkubator, peranan usahawan Inkubator, kepentingan latihan keusahawanan, tujuan pengajaran bermodul dan hasil kajian terdahulu.

## 2.2 Usahawan dan Keusahawanan

Mengikut rujukan Ensiklopedia Malaysiana Jilid 13 (1996), usahawan merupakan komponen penting ekonomi yang boleh didefinisikan sebagai seseorang yang mengendalikan perusahaan perniagaan dan sentiasa cuba memperkenalkan keluaran baru, proses pengeluaran yang produktif dan membaiki organisasi perniagaannya. Menurut Thomas W. Zimmerer dan Norman M. Sacrborough (1998), usahawan ialah individu yang mewujudkan perniagaan di mana mereka akan berhadapan dengan risiko dan ketidakpastian untuk tujuan mendapatkan keuntungan dan pertumbuhan melalui pengenalan peluang-peluang dan mengumpulkan sumber-sumber yang diperlukan untuk dikapitalisasikan.

Peter Druker (1964) pula, menyatakan bahawa usahawan adalah orang yang bertanggungjawab untuk memaksimumkan peluang-peluang yang ada dan peka kepada kewujudan peluang dalam persekitarannya yang mungkin tidak disedari oleh orang lain (Tengku Khairi, 2001). Sementara itu, menurut Mohammed Amin (2001), untuk menjadi usahawan yang benar-benar menghayati budaya keusahawanan, mereka seharusnya mempunyai karakteristik dan sanggup melaksanakan serta selalu mencari perubahan dan mengikutinya sehingga membentuk perubahan yang menjadi suatu peluang yang besar kepada usahawan itu sendiri.

Mengikut takrifan Burch (1986), keusahawanan ialah "*the act of being an entrepreneur*", manakala perkataan *entrepreneur* pula berasal dari perkataan

Perancis *entreprenure* yang bermaksud “*to undertake, to pursue opportunity, to fulfill needs and wants through innovative ideas and starting business*”. Dalam erti kata lain, seorang usahawan harus bersifat asas seperti pandai mencari dan mengejar peluang, memenuhi keinginan melalui idea inovatif serta baru dan berkebolehan untuk memulakan perniagaan yang berdaya maju (Mahmood Nazar, 1996).

Menurut Yep Putih (1989), usahawan sebenar adalah:

- a) Manusia yang berdikari, bekerja dan bertindak secara bebas untuk mewujudkan atau menghasilkan barang-barang dan perkhidmatan yang berguna kepada orang ramai. Mereka menjadi penggerak utama kepada kerja-kerja tersebut dan menanggung segala risiko. Mereka juga merupakan satu-satunya orang yang bertanggungjawab mengatur, menganjur serta menguruskan kegiatan yang dijalankan itu.
- b) Pengurus yang berkebolehan. Usahawan ialah ‘pengurus segala pengurus’. Dia yang bertanggungjawab memula dan menjayakan sesuatu kegiatan ekonomi yang produktif. Usahawan perlu dipercayai orang lain, pintar mendapatkan kerjasama daripada para pembantunya, cekap mengatur rancangan bagi mencapai matlamat yang mencabar serta boleh melatih dan membimbing orang lain melakukan pekerjaan sebagaimana yang dikehendaki.
- c) Seorang yang cergas dan kreatif kerana dia berhadapan dengan suasana dan keadaan sekitar yang sentiasa berubah dan bertukar dari semasa ke semasa. Usahawan yang berjaya bersedia melakukan pekerjaan yang melibatkan banyak pergerakan jasmani dan pembaharuan dari segi cara-cara atau teknik-teknik menguruskan perniagaan dan memenuhi kehendak-kehendak pelanggan. Usahawan yang kreatif selalunya mencapai kemajuan yang lebih cepat daripada orang lain kerana mereka mungkin menghasilkan barangan yang lebih bermutu daripada saingan, menghasilkan keluaran yang lebih banyak dalam jangka masa yang singkat dan menghasilkan ciptaan yang lebih menarik dan lebih disukai oleh pelanggan.

- d) Seorang yang suka pada cabaran. Usahawan yang rasional selalunya akan memilih cabaran yang sesuai dengan kebolehannya. Mereka seorang yang bercita-cita tinggi serta sentiasa ingin akan pencapaian yang gemilang dari semasa ke semasa. Mereka juga tidak suka membuat kerja yang berulang-ulang atau “*routine*” kerana ianya membosankan dan tidak memerlukan daya fikiran, kepintaran serta ketelitian.
- e) Usahawan yang sejati dan pemburu kejayaan sebenar. Mereka sentiasa berusaha seberapa daya untuk memastikan kerja-kerja dan kegiatan yang dilakukan akan mendatangkan kejayaan.

Sementara itu, menurut Abdul Razak (1998) pula, untuk memajukan perniagaan dan memenuhi cita rasa semasa pelanggan dalam menawarkan perkhidmatan, seseorang usahawan perlu mempunyai beberapa kekuatan seperti daya kreativiti, sikap pro aktif, ketinggian ilmu pengetahuan tentang perniagaan dan strategi perniagaan. Selain itu, sikap pro aktif, sanggup bekerja kuat dan berjiwa besar perlu dibentuk bagi mencapai kejayaan dalam perniagaan. Menurut katanya, usahawan yang pro aktif akan dapat menjangka lebih awal terhadap sesuatu perubahan dan bertindak segera serta menjadi *trend setter*. Ini memerlukan ketabahan, pengorbanan, serta keyakinan diri yang tinggi.

Hebert dan Link (1989) mendapati bahawa terdapat sekurang-kurangnya dua belas ciri yang boleh dikaitkan dengan diri seseorang usahawan. Usahawan ialah seorang pengambil risiko dan ketidakpastian, pembekal modal kewangan, pendukung pembaharuan, pembuat keputusan, pemimpin industri, pengurus dan penguasa, penganjur atau penyelaras sumber-sumber ekonomi, pemilik perusahaan, majikan kepada faktor-faktor pengeluaran, pemaju (kontraktor) serta sebagai pengantara dan penyelia peruntukan sumber-sumber kepada pelbagai alternatif penggunaan. Mereka merumuskan bahawa usahawan ialah seseorang yang mengkhususkan dalam pengambilan tanggungjawab dan pembuat keputusan yang mempengaruhi lokasi, bentuk dan penggunaan barangan, sumber atau institusi (Mohd. Rosli Mohamad, 2000).

## RUJUKAN

Abdul Razak Omar (1998). Menjaring Usahawan Bumiputera. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Abd Rahman Ibrahim (1996). "Bumiputera dan Industri: Status Masa Kini, Masalah dan Cadangan Mempertingkatkan". dlm Zaini dan Mohaini (1996). Indusrialisasi dan Pembangunan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ahamad Zaidi Bahari (1995). Prinsip Perakaunan. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Ahmad Esa (2001). "Etika Profesional Dalam Pengurusan Usahawan: Satu Analisis Lapangan." Perbentangan Kertas Kerja di Seminar Kebangsaan Sosio-ekonomi dan IT).

Anuwar Ali dan Ahmad Mohd. Zin (1996). "Pengglobalisasian dan Pembangunan Industri di Malaysia." dlm Zaini dan Mohaini (1996). Indusrialisasi dan Pembangunan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Carland, Jim and Jo Ann Carland (1990). Small Business Management: Tools For Success. Boston:PWS-Kent Publishing Co.

Ensiklopedia Malaysiana (1996). Kuala Lumpur: Anzagain Sdn. Bhd. (Syarikat Kumpulan Ebiza). Jilid 1, 13 dan 14.

Encyclopedia Dictionary (1991). London: Cassell Publishers Ltd. Jilid 15.

Harin Hashim (1996). "Konsep Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian di Bawah Dasar Pembangunan Nasional." dlm Zaini dan Mohaini (1996). Industrialisasi dan Pembangunan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Iskandar Abdullah (1991). "Keperluan Pengusaha-pengusaha Perindustrian Kecil." dlm Usahawan Malaysia (November 1991). Batu Caves: Penerbit Pustaka Wira Sdn. Bhd.

Ismail Mohd Salleh (1989). Industri-Industri Kecil. Kuala Lumpur: AMK Interaksi Sdn. Bhd.

Jurnal Keempat Hal Ehwal Pelajar Universiti-universiti Tempatan dan ITM (1990). Serdang: Universiti Pertanian Malaysia. MS378.595. JHEPUT.

Kamus Dewan Edisi Terbaru (1989). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mahathir Mohamad (1991). "Malaysia The Way Forward." Teks ucapan Perdana Menteri di Majlis Pedagangan Malaysia di Kuala Lumpur pada 28 Februari 1991. dlm. INTAN, 1992.

Majlis Amanah Rakyat (MARA). Buku Panduan Penubuhan Dan Operasi Pusat Inkubator MARA. Kuala Lumpur: Bahagian Bimbingan Usahawan MARA.

Mat Hassan Esa (1996). "PUNB Induk IKS Negara." dlm. Usahawan Malaysia (Mei – Jun 1996). Batu Caves: Penerbit Pustaka Wira Sdn. Bhd. Bil 86. Thn 9.

McClland, David. C. (1955). Achievement Motivation Can Be Develop. New York: Harvard Business Review 6.

McClland, David. C. (1965). The Achieving Society. New York: Van Nostrand.

Mc Ber & Co.,U.S.A.I.D (1985). Manual For Selection and Impact Measures. Boston: Mc Ber & Co.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). Penyelidikan Pendidikan. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Moha Asri Hj. Abdullah (1997). Industri Kecil Di Malaysia: Pembangunan Dan Masa Depan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Moha Asri Hj. Abdullah (1999). Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohammed Amin Penrunghi (2001). "Memupuk Belia Bumiputera Sebagai Belia Niaga Yang Cemerlang." dlm. Dewan Ekonomi (Julai 2001). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Bil. 0547. Jilid 09.

Mohd Amir Sharifuddin, Barjorai Bardai, Rogayah Md Zain dan Zulkifli Senteri (1995). Program Usahawan Muda: Kajian Keberkesanan Peningkatan Motivasi dan Minat Terhadap Keusahawanan di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. dlm Jurnal Pendidikan Vol. 19 – 21 (1991-1996). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd. Rosli Mohamad (2000). Industri Kecil Dan Sederhana: Landasan Pembangunan Usahawan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Mohd Sharif Ibrahim (1999). "Maklumat Perakaunan: Paling Penting Dalam Organisasi." dlm Usahawan Sukses (Mei – Jun, 1999). Batu Caves: Penerbit Pustaka Wira Sdn. Bhd.

Mohd Yusop. Ahmad dan Sarebah (2001). Kesediaan Pelajar-Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Menceburi Bidang Keusahawanan: Satu Kajian Kes. Batu Pahat: Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn. Kertas Kerja di Persidangan Kebangsaan Pertama Keusahawanan dan Perniagaan Kecil di Langkawi.



PUSAT PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



- Noraini Zakaria (1991). "Usahawan Tulen: Mulakan Di Peringkat Awal." dlm. Usahawan Malaysia (Mei – Jun 1997). Batu Caves: Penerbit Pustaka Wira Sdn. Bhd. Bil 92. Thn 9.
- Norfadzillah Hitam (1991). Bumiputera Entrepreneurship: A Re-evaluation of The Training Programs Conducted by Majlis Amanah Rakyat (MARA) and The Malaysian Entrepreneurship Development Center. Universiti Hawaii: Tesis Ph.D.
- Nurazlinda Yahya (2000). Penilaian Terhadap Kejayaan Yang Dicapai Oleh Usahawan-usahawan Program Inkubator: Kajian Di Pusat Inkubator MARA, Johor. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia. Projek Sarjana Muda Pengurusan Teknologi.
- Rahmah Ismail (1995). Industri Kecil Malaysia: Isu Pembiayaan, Teknologi dan Pemasaran. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahmah Saad (1991). "Berani Berdikari Asas Penting Usahawan" dlm. Usahawan Sukses (Mac – April 2001). Batu Caves: Penerbit Pustaka Wira Sdn. Bhd. Bil. Thn 1. Bil. 1.
- Roslina Haji Ahmad (2001). Latarbelakang Pendidikan Teknik dan Vokasional di Kalangan Usahawan Kecil Bumiputera Parit Raja Dan Keperluannya Dalam Perniagaan Yang Diceburi: Satu Kajian Kes. Batu Pahat: Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- Sabariah Mohd Sofian (1992). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kejayaan atau Kegagalan Usahawan Bumiputera Johor Di Sektor Pembuatan. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda Pengurusan Teknologi.
- Sabri Haji Hussin (1995). "Sifat Usahawan Bina Kejayaan." dlm "Usahawan Malaysia." (Januari 1995). Batu Caves: Penerbit Pustaka Wira Sdn. Bhd. Thn 9. Bil 78.



PTTAUTIM  
PERPUSTAKAAN TUNJATI AMINAH

Salaudin Ahmad (2001). "MEDEC Lahirkan Usahawan Berilmu." dlm. Usahawan Sukses (September – Oktober 2001). Batu Caves: Pustaka Wira Sdn. Bhd. Thn 1. Bil. 4.

Saunah Zainon (2001). "Usahawan Kompeten Antara Cabaran Dan Harapan." dlm. Usahawan Sukses (September – Oktober 2001). Batu Caves: Pustaka Wira Sdn. Bhd. Bil. 4. Thn 1.

Schumpeter, J.A. (1934). The Theory Of Economic Development. Harvard University: Press.

Sharifah Alwiah Alsagoff (1997). Pengenalan Pengajaran Individu dengan Tumpuan Khas Kepada Modul Pengajaran dan Modul Pembelajaran.

Shaharom dan K.C. Yap (1994). "Kesan Kaedah Pengajaran Bermodul Ke Atas Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan Empat Dalam Kajian Rintis." dlm Jurnal Pendidikan Guru (Jun 1994). "Penyelidikan Dalam Pendidikan." Kuala Lumpur: Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Shaharom dan K.C. Yap (1992). Mereka bentuk dan Menilai Modul Pengajaran Kendiri (MPK). dlm Jurnal Pendidikan Guru (1992). "Peranan Pendidikan Guru Bagi Memenuhi Matlamat Wawasan 2020." Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Shaharom dan K.C. Yap (1991). "Ke Arah Mengindividukan Pengajaran Menerusi Pengajaran Bermodul". dlm Jurnal Pendidikan Guru (1991). "Peranan Pendidikan Guru Bagi Memenuhi Matlamat Wawasan 2020." Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sherman, Hugh and Chappell, David S (1998). "Economic Development Quarterly: Methodological Challenges In Evaluating Business Incubator Outcomes." Vol. 12, keluaran 4, hlm 313.

- Sulaiman Sajilan (1999). "13 Kemahiran Untuk Berjaya." dlm. *Usahawan Sukses* (November – Disember 1999). Batu Caves: Pustaka Wira Sdn. Bhd. Bil 5. Thn 1.
- Sulaiman Ngah Razali (1996). *Analisis Data Dalam Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tengku Khairi A. Rahman (2001). "Membina Tunjang Kecemerlangan Usahaniaga". dlm *Dewan Ekonomi* (September 2001). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Jilid 9.
- Thomas W. Zimmerer and Norman M. Scarborough (1998). *Essential of Entrepreneurship And Small Business Management*. New Jersey: Prentice Hall.
- Uma Sekaran (1992). *Research Methods For Business: A Skill Building Approach*. 2nd ed. Canada: John Wiley & Sons, Inc.
- Wan Azmi Ramli (1998). *Latihan Profesional: Pendekatan Kepada Teori – Strategi – Amali Dalam Latihan Profesional*. Kuala Lumpur: Golden Books Centre.
- Wan Mohd. Nazif (2001). "Sistem Akaun Perniagaan: Usahawan Perlu Ubah Sikap." dlm. *Dewan Ekonomi* (Oktober 2001). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka. Bil. 0547. Jilid 09.
- Yep Putih (1989). *Keusahawanan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharuddin Yahya (1995). *Memilih Perniagaan*. Kota Bharu: Al-Kafilah Enterprise.
- Zainal Abidin Mohd Said (1992). *Pengurusan Pemasaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- NBIA (1998) "State of the Business Incubation Industry Report."  
<http://www.NBIA.org/whatis.html>



PTTAUTHM  
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH